

Bantahan terhadap cadangan pembinaan 18 loji Waste-to-Energy di Malaysia

Surat Terbuka kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan (KPKT)

Yang Berhormat,

PERKARA: BANTAHAN TERHADAP CADANGAN PEMBINAAN 18 LOJI Waste-To-Energy DI MALAYSIA

Dengan segala hormatnya, kami ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Kami, sekumpulan organisasi masyarakat sivil yang komited terhadap kelestarian alam sekitar dan keadilan sosial, ingin mengemukakan bantahan kami atas cadangan pembinaan 18 loji Waste-to-Energy (WTE) di Malaysia.
3. Pertama sekali, kami ingin mengetahui sama ada Penilaian Impak Sosial (SIA) dan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) telah dilaksanakan secara menyeluruh sebelum cadangan ini diteruskan. Penilaian ini adalah kritikal untuk memahami kesan sebenar projek ini terhadap komuniti dan alam sekitar kita. Tanpa adanya SIA dan EIA yang mantap untuk menyokong keberkesanan dan keselamatan cadangan pembinaan loji-loji WTE ini, pelaksanaan cadangan pembinaan loji WTE adalah pramatang dan tidak munasabah memandangkan pengoperasian loji-loji ini berpotensi menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan komuniti setempat, terutamanya mereka yang tinggal berhampiran dengan loji-loji ini.
4. Kajian yang dibangkitkan oleh Shukla *et al* (2024) menunjukkan bahawa pembakaran sisa akan menghasilkan hasil sampingan yang memudaratkan, dan penapisan hasil sampingan dan residu pembakaran memerlukan sistem penapisan yang kompleks, canggih dan teliti. Apakah bukti-bukti yang dapat menunjukkan bahawa loji-loji pembakaran sisa ini tidak akan menghasilkan bahan pencemar udara yang berbahaya seperti dioksin dan furan, serta gas-gas toksik, zarah halus, dan logam berat, serta mempunyai sistem penapisan yang canggih yang dapat mengasingkan bahan pencemar udara yang berbahaya dan memudaratkan ini sebelum dilepaskan?
5. Pembinaan Loji WTE adalah penyelesaian palsu (*false solution*) dalam menangani masalah perubahan iklim, krisis sisa dan pencemaran plastik. Ia juga tidak

sejajar dengan hala tuju ekonomi perkelling. Ini kerana Loji WTE akan bersaing dengan pusat kitar semula untuk bahan yang sama dan segala usaha mengurangkan sisa sampah, persaingan ini akan menjejaskan usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi usaha kitar semula. Ia juga tidak menggalakkan pengurangan sisa ataupun reka semula (*redesigning*) sesebuah pembungkusan dan produk, lalu menyebabkan tanggungjawab pengurusan sisa bungkusan dan produk pada pengusaha terus kekal pada pengguna. Pendekatan Sisa Sifar (Zero Waste) yang bermaksud “Kurangkan Pembaziran, Kurangkan Penjanaan Sisa” harus dimasukkan dalam Pelan Pengurusan Sisa Nasional. Pendekatan ini bukan sahaja lebih mampan, tetapi juga lebih adil dan berkesan dalam jangka masa panjang. Zero Waste menekankan pengurangan sisa di sumber, penggunaan semula, isi semula, kitar semula bagi kertas, kaca, kadbod, aluminium, keluli, pengkomposan yang dapat menggantikan kebergantungan kepada loji WTE dan meminimumkan pencemaran alam sekitar.

6. Menurut satu laporan¹, rakyat Malaysia menjana kira-kira 16,720 tan sisa makanan setiap hari, ini merangkumi hampir 44 peratus daripada jumlah keseluruhan sisa domestik. Pengkomposan akan mengalih lebih daripada satu pertiga sisa makanan daripada pelupusan akhir. Selain daripada itu, sisa plastik yang merangkumi hampir satu pertiga daripada sisa domestik di Malaysia adalah sangat membimbangkan. Oleh itu, sistem Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan (Extended Producer Responsibility, EPR), guna semula, dan isi semula perlu dilaksanakan untuk menangani krisis plastik. Penggunaan teknologi Waste-to-Energy (WTE) di Singapura telah menyebabkan penurunan yang ketara dalam kadar kitar semula mereka kepada 52% pada tahun 2023 (Ganesan, 2024). Penurunan kadar kitar semula ini boleh menyebabkan kehilangan sumber yang boleh dan patut dikitar semula seperti sisa makanan, kertas, konkrit, kayu, tekstil, tin aluminium, dan sebagainya. Di negara Denmark² pula, apabila usaha kitar semula mereka meningkat dan sampah berkurangan, mereka terpaksa mengimport sampah daripada negara lain untuk mengekalkan pengoperasian loji WTE tersebut. Ini turut menjejaskan matlamat pengurangan pembebasan gas karbon dioksida negara mereka yang ingin dicapai seperti yang termeterai dalam Perjanjian Paris 2015. Kami risau Malaysia akan menghadapi masa depan yang sama jika pembinaan loji WTE ini diteruskan.

6. Amalan pendekatan Zero Waste juga dapat memberikan manfaat ekonomi yang ketara. Ia boleh mewujudkan peluang pekerjaan dalam industri kitar semula dan pemulihan sumber, serta mengurangkan kos pengurusan sisa dalam jangka masa

¹ <https://www.bernama.com/en/thoughts/news.php?id=2280475>

² <https://www.politico.eu/article/denmark-devilish-waste-trash-energy-incineration-recycling-dilemma/>

panjang. Di samping itu, ia dapat membantu Malaysia mencapai matlamat kelestarian dan mematuhi komitmen antarabangsa terhadap perlindungan alam sekitar.

7. Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, dan pihak berkuasa tempatan perlu melabur dalam peralihan kepada ekonomi pekeliling (*Circular Economy*), sifar sisa (*Zero Waste*) dan bukan membiayai penyelesaian palsu yang akan menimbulkan lebih masalah seperti WTE. Ini bermakna pelaburan dalam dasar sifar sisa yang membina ekonomi pekeliling, hab sifar sisa baharu yang mengurangkan sisa dan memulihkan sumber, sistem pengkomposan baharu, dan hanya menyokong usaha kitar semula yang tulen. Langkah-langkah ini lebih mudah, lebih murah, dan lebih cepat untuk dilaksanakan, memerlukan kos yang lebih rendah, serta menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan.

8. Kami menggesa Kementerian untuk mempertimbangkan semula cadangan ini dan melibatkan masyarakat sivil dalam perancangan dan pelaksanaan dasar pengurusan sisa negara. Penyertaan masyarakat adalah penting untuk memastikan bahawa keputusan yang diambil adalah adil, telus, dan membawa manfaat kepada semua pihak.

Kerjasama dan perhatian YB dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Sila hubungi kami jika YB ingin berbincang secara lanjut. Kami berharap dapat melihat perubahan positif dalam dasar pengurusan sisa negara yang lebih adil dan mampan.

Sekian.

Yang benar,

Kami yang menandatangani,

1. Greenpeace Malaysia

Nama Wakil: Thing Siew Shuen

Emel: ssthing@greenpeace.org

2. Sahabat Alam Malaysia

Nama Wakil: Mageswari Sangaralingam

Emel: foemalaysia@gmail.com

3. Consumers' Association of Penang

Nama Wakil: Mohideen Abdul Kader

Emel: consumerofpenang@gmail.com

4. Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat

Nama Wakil: Thew Kim Guan

Emel: sgjarom2018@gmail.com

5. Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA)

Nama Wakil: Sophine Tann

Email: hello@pekamalaysia.org

6. Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia (*Environmental Protection Society Malaysia*, EPSM)

Nama Wakil: Lee Jing

Emel: epsm@epsm.org.my

7. Gabungan Darurat Iklim Malaysia (GDIMY)

Nama Wakil: Tan Koon Hong

Emel: koonhong@gdimy.org

8. Alliance of River Three (ART!)

Nama Wakil: Kennedy Michael

Emel: kennedy@riverthree.org

9. Zero Waste Sabah (ZWS)

Nama Wakil: Ruth Yap

Emel: zerowastesabah@gmail.com

10. Jaringan Rawang Tolak Insinerator

Nama Wakil: Esther Woo

Emel: parousia1980@gmail.com

10. Persatuan Kesedaran dan Pendidikan 3R Kuala Lumpur

Nama Wakil: Lam Choong Wah

Emel: antikepin@gmail.com

11. Jawatankuasa Bertindak Kuala Lumpur Tak Nak Insinerator (KTI)

Nama Wakil: Lee Chong Tek

Emel: antikepin@gmail.com

12. Gabungan Anti Insinerator Kebangsaan (GAIK)

Nama Wakil: Wong Wai Kong

Emel: wongwaikong6@gmail.com

14. Center to Combat Corruption and Cronyism (C4 Center)

Nama Wakil: Nabila Zulkeflee

Emel: nabila@c4center.org

15. Persatuan Aktivis Sahabat Alam - KUASA

Nama Wakil: Hafizudin Nasarudin

Emel: admin@kuasaperak.org

16. Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)

Nama Wakil: Amirah Haziqah

Emel: peoplesbhr@suaram.net

17. RimbaWatch

Nama Wakil: Adam

Emel: admin@rimbawatch.com

18. Parti Sosialis Malaysia (PSM)

Nama Wakil: Cheong Huei Ting

Email: psmalamsekitar@gmail.com

19. Malaysian Nature Society (MNS)

Nama Wakil: Donovan Louis

Email: hod.conservation@mns.org.my

20. Saya Anak Bangsa Malaysia [SABM]

Nama Wakil : Jayanath

Emel : jayanath.a@gmail.com

21. Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS)

Nama Wakil : Mohd Yusaimi Md Yusoff

Emel: malysiagrass@gmail.com

22. CERAH Malaysia

Nama Wakil : Dennis Chan

Emel: cerahmalaysia@gmail.com

23. Aliran

Nama Wakil: Anil Netto
Emel: aliran.malaysia@yahoo.com

24. Gabungan Bertindak Malaysia (GBM)
Nama Wakil: Stanley Yong
Emel: stlyong2@gmail.com

25. AJ Rimba Collective
Nama Wakil: Noina Baharuddin
Emel: hello@ajrimba.org

26. Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA)
Nama Wakil: Amir Hadi
Emel: m.zaimzulkafli88@gmail.com

27. Treat Every Environment Special
Nama Wakil: Leela Panikkar
Emel: treateveryenvironmentspecial@gmail.com

28. Persatuan Petaling Jaya Lestari
Nama Wakil: Chakra Thilainathan
Emel: thespja@gmail.com

29. Persatuan Penduduk Seksyen 22 Petaling Jaya
Nama Wakil: Parimala Nesamany
Emel: parimalanesamany@gmail.com

30. FANS of PJ (Friends and Neighbours of Petaling Jaya)
Nama Wakil: David Yoong
Emel: scrap.pjdl@gmail.com

31. Pusat KOMAS
Name Wakil: Faribel Maglin Fernandez
Emel: info@komas.org

— Endorsement masih diterima selepas 29 July 2024 —

32. Pertubuhan Rangkaian Pembangunan Kesinambungan Malaysia (SUSDEN Malaysia)

Nama Wakil : Jafri bin Abdullah

Emel: susden.malaysia@gmail.com

33. .Zero Waste Malaysia

Nama Wakil: Sue Yee Khor

Emel: info@zerowastemalaysia.org

34. Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan Untuk Pengguna-Pengguna Pahang

Nama Wakil: Mohd Saiful bin Abdullah

Emel: consumerpahang@gmail.com

35. MADPET (Malaysians Against Death Penalty and Torture)

Nama Wakil: CHARLES Hector

Emel: easytocall@gmail.com

36. Jawatankuasa Pro-tempt United Batu Arang

Nama: Karl Ngo

Emel: ngomarketer@gmail.com

U/P:

1. PEJABAT PERDANA MENTERI MALAYSIA

2. KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM